

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : BERTULIS**

**DARIPADA : TUAN HASSAN BIN ABDUL KARIM  
[ PASIR GUDANG ]**

**SOALAN**

minta **MENTERI TENAGA, SAINS, TEKNOLOGI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM** minta menyatakan sejauh manakah sistem rawatan sisa buangan kimia beracun yang ada sekarang mampu mengatasi masalah pencemaran udara kimia beracun di Pasir Gudang

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Pelepasan asap industri dikawal di Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Udara Bersih) 2014 atau PUB 2014. PUB 2014 dikuatkuasakan oleh Jabatan Alam Sekitar (JAS) ke atas premis yang berpotensi menjadi punca pencemaran udara, tertakluk kepada pemakaian perindustrian dan perniagaan.

Di bawah PUB 2014, pelepasan pencemar udara daripada industri dikawal dengan penetapan nilai batas pencemar seperti parameter habuk (*Total PM*), sulfur dioksida ( $\text{SO}_2$ ), nitrogen dioksida ( $\text{NO}_2$ ), karbon monoksida

(CO) atau lain-lain, mengikut jenis-jenis industri seperti penjananaan & kuasa, industri kimia & petrokimia atau lain-lain.

Antara peruntukan peraturan-peraturan di bawah PUB 2014 adalah menghendaki supaya premis industri dilengkapi dengan sistem kawalan pencemaran udara seperti *bag filter*, *electrostatic precipitator* atau *scrubber*, dan pihak industri hendaklah menjalankan pemantauan prestasi bagi komponen sistem tersebut.

Pihak industri adalah dikehendaki menjalankan pemantauan pelepasan udara (*emission monitoring*) secara berkala atau berterusan, bergantung kepada jenis parameter dan jenis industri. Pemantauan yang dijalankan secara berterusan adalah dihubungkan secara dalam talian terus dengan JAS melalui *Continuous Emission Monitoring System (CEMS)*.

Tindakan penguatkuasaan telah dilipatgandakan. Semenjak Insiden Sg Kim Kim sehingga kini, sebanyak 314 kompaun dikeluarkan ke atas kesalahan-kesalahan yang dibuat dan sebanyak tujuh kertas siasatan telah dibuka. Selain itu, lebih daripada 250 Notis Arahan telah dikeluarkan oleh JAS Johor di bawah Seksyen 37 bagi industri yang mempunyai pelepasan ke udara. Sebanyak 76 kertas siasatan telah dibuka dan dilengkapi terhadap pihak industri yang gagal mematuhi Notis Arahan dan JAS sedang dalam perbincangan dengan pihak pendakwaraya (AGC) untuk tindakan selanjutnya.

Sekian, terima kasih.